

Permohonan Anwar batal saman pemula bekas menteri 25 Februari

Kuala Lumpur: Permohonan Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk membatalkan saman pemula bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, P Waytha Moorthy berhubung keabsahan pelantikannya sebagai Perdana Menteri dan Ahli Parlimen Tambun, akan didengar Mahkamah Tinggi pada 25 Februari ini.

Tarikh itu ditetapkan Hakim Alice Loke Yee Ching selepas peguam Daniel Albert yang bertindak bagi pihak Anwar, memaklumkan bahawa peguam utama, Ranjit Singh, tidak dapat hadir kerana masalah kesihatan dan memohon maaf atas notis singkat yang diberikan.

Pada prosiding peng-

urusan kes semalam, Waytha Moorthy diwakili peguam S Karthigesan, manakala Anwar turut diwakili peguam Nicholas Yap, serta Peguam Persekutuan, Mohammad Sallehuddin Md Ali dari Jabatan Peguam Negara selaku *amicus curiae* (sahabat mahkamah).

Sementara itu, Karthigesan pula memberitahu mahkamah anak guamnya yang juga seorang pengamal undang-undang memohon untuk bertindak sebagai peguam bersama dalam kes itu, dan akan berhujah berkaitan isu tertentu yang akan dibangkitkan dalam permohonan berkenaan.

Pada 10 Oktober 2025, Anwar memohon untuk membatalkan saman pe-

mula itu atas alasan ia melanggar pelbagai prosedur dan keperluan Perlembagaan serta berkanun lain yang mandatori, yang ditetapkan untuk mencabar atau mempersoalkan keputusan pilihan raya.

Waytha Moorthy selaku plaintif memfailkan saman pemula pada 12 Or tahun lalu bagi perisytiharan bahawa pelantikan Anwar sebagai Perdana Menteri pada 24 November 2022, adalah tidak berperlembagaan, terbatal dan tidak sah.

Beliau turut memohon perisytiharan bahawa pemilihan Anwar sebagai Ahli Parlimen Tambun pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) juga tidak berperlembagaan, terbatal dan tidak sah.